

Latihan 5

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

Aku sebuah basikal

Aku sebuah basikal. Nama saya ialah 'BMX'. Saya dilahirkan di sebuah kilang membuat basikal di Shah Alam.

Badan saya _____ 1 _____ daripada besi. Saya berwarna biru. Badan saya _____ 2 _____ dengan dua tayar.

Setelah siap, saya _____ 3 _____ ke kedai menjual basikal. Saya dihantar melalui sebuah lori ke kedai. _____ 4 _____ kedai telah membersihkan saya. Saya dipamerkan di kedai. Beliau meletakkan tanda _____ 5 _____ pada badan saya.

Pada suatu hari, datang seorang budak ke kedai. Nama _____ 6 _____ itu ialah Rajan. Dia melihat saya _____ 7 _____ satu jam. Dia _____ 8 _____ hati pada diri saya. Dia terus membeli saya pada harga RM 76,000.00.

Rajan _____ 9 _____ saya dengan baik. Dia _____ 10 _____ saya ke sekolah tiap-tiap hari. Rajan _____ 11 _____ saya dua kali _____ 12 _____. Saya berasa gembira dan bangga mendapat tuan seperti nya.

dihantar	menjaga	seminggu
mencuci	harga	tertarik
selama	Pemilik	budak
diperbuat	dipasang	menunggang

Latihan 6

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

Aku sehelai kemeja

Aku sehelai _____ 1 _____. Nama saya ialah 'Padini'. Saya dilahirkan di sebuah kilang tekstil.

Saya berasal daripada kapas yang dipintal menjadi _____ 2 _____. Benang itu ditunen pula menjadi kain. Saya mempunyai lengan panjang. Badan saya berwarna _____ 3 _____

Setelah siap, saya _____ 4 _____ di dalam sebuah kotak dan dihantar ke kedai kain. Saya dihantar melalui _____ 5 _____ van. Saya _____ 6 _____ di salah sebuah kedai kain di pusat membeli belah.

Pada suatu hari, datang seorang _____ 7 _____ ke kedai. Nama pemuda itu ialah Encik Basri. Beliau melihat saya selama satu jam. Beliau _____ 8 _____ hati pada diri saya. Encik Basri terus _____ 9 _____ saya pada harga RM25.00.

Encik Basri menjaga saya dengan baik. Beliau memakai saya ke _____ 10 _____ kerja. Beliau akan mencuci setelah _____ 11 _____ saya. Encik Basri akan kelihatan tampan setelah memakai saya. Saya berasa gembira dan _____ 12 _____ mendapat tuan seperti nya.

benang	dipamerkan	bangga
memakai	kemeja	tempat
merah	membeli	pemuda
sebuah	disimpan	tertarik

Latihan 7

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

Aku sebatang pen

Aku sebatang pen. Nama saya ialah 'Kilometriko'. Aku 1 di sebuah kilang membuat pen.

Badan saya diperbuat daripada 2 . Perut saya diisi dengan dakwat. Dakwat saya 3 biru. Bentuk saya 4 .

Setelah siap, saya dihantar ke sebuah 5 buku. Saya disimpan di dalam sebuah 6 bersama-sama kawan saya. Pemilik kedai telah membersihkan saya. Beliau meletakkan tanda harga pada 7 saya. Beliau menyimpan saya di dalam sebuah 8 kaca.

Pada suatu hari datang seorang 9 . Nama gadis itu ialah Aini. Aini melihat saya selama satu jam. Dia 10 hati pada diri saya. Dia terus membeli saya pada harga RM 3.50.

Aini menjaga saya dengan baik. Dia menggunakan saya untuk menulis. Aini bangga dengan kebolehan saya. Aini 11 saya ke sekolah tiap-tiap hari. Saya berasa gembira dan bangga mendapat 12 seperti ini.

badan	tuan	panjang
membawa	berwarna	kedai
gadis	tertarik	plastik
almari	kotak	dilahirkan

Latihan 8

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

Aku seekor ikan

Aku seekor ikan. Aku 1 di sungai. Aku tinggal 2 ramai kawan.

Badan aku 3. Sisik aku sangat tebal. Aku suka makan 4. Aku juga makan cacing.

Pada suatu hari, datang 5 budak ke 6. Mereka bercadang untuk memancing. Saya mula berasa 7 dan kecewa. Seorang budak 8 Arun memancing aku.

Arun 9 aku ke rumah. Aku berasa amat takut. Arun melepaskan aku ke dalam sebuah 10 di biliknya. Aku berasa gembira.

Dia memberi aku 11 dua kali setiap hari. Aku 12 dengan gembira bersama tuan saya.

makanan	berisik	hidup
sekumpulan	sungai	membawa
takut	lumut	bersama
tinggal	akuarium	bernama

Latihan 9

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

Aku seponon rambutan

Saya seponon 1. Saya banyak didapati di kawasan 2.

Badan saya 3 daripada daun, dahan, batang, akar dan buah. Akar tunjang membolehkan saya berdiri 4. Daun 5 makanan untuk saya.

Akar menolong saya 6 air. Saya boleh membesar sehingga tiga meter tingginya.

Setelah tiga tahun, saya mula 7. Saya berbuah mengikut musim. Buah saya bulat dan 8. Apabila masak, buah saya 9 kemerah-merahan. Isinya lembut dan berwarna 10.

Orang ramai 11 makan buah saya. Buah saya sangat 12 dan berharga murah.

berbuah	suka	tegak
terdiri	berwarna	menghasilkan
rambutan	berbulu	perkampungan
berkhasiat	mencari	putih

Latihan 10

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

Bercuti di kampung

588, Lorong 2/A,
Taman Sejati Indah,
08100 Bedong,
Kedah.

10.02.2011

Menemui 1 yang tinggal di Kampung Cendana. Semoga datuk berada dalam keadaan sihat. Saya berharap nenek pun berada dalam 2 sihat-sihat belaka.

Datuk,

Tujuan saya 3 surat ini adalah untuk memberitahu datuk tentang kedatangan cucu. Saya merancang untuk 4 ke kampung pada cuti sekolah iaitu 08.03.2010 hingga 15.03.2010. Dua orang rakan turut 5 saya.

Ayah akan menghantar saya ke 6 bas. Saya akan ke sana menaiki bas. Dari perhentian bas, saya akan menaiki teksi ke rumah datuk.

Datuk usah 7 tentang keselamatan saya. Saya akan 8 sebaik saja tiba di perhentian bas. Kita akan bersiar-siar dan 9 ikan di sungai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(Ramu A/L Kalai)

pulang

bimbang

datuk

keadaan

menemani

menulis

perhentian

memancing

telefon